

# Pelajar baharu pascasiswazah UMS mula daftar hari ini

NST 23/09/2011 9

KOTA KINABALU: Seramai 712 pelajar baharu pascasiswazah bagi sesi kemasukan semester 1 2011/2012 akan mendaftar di Universiti Malaysia Sabah pada 23 dan 24 September ini (Jumaat dan Sabtu).

Pendaftaran akan bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Daripada jumlah pelajar yang ditawarkan, 37 calon merupakan pelajar antarabangsa yang merangkumi pelajar warga Mexico, Libya, Iran, Columbia, Bangladesh, India, China, Afghanistan, Pakistan dan Indonesia.

Pelajar Indonesia merupakan pelajar antarabangsa yang teramai dengan 14 orang calon, diikuti pelajar China seramai 11 orang, manakala selebihnya adalah pelajar dari negara lain.

Kesemua pelajar baharu pascasiswazah ini akan mengikuti program yang ditawarkan dalam Sarjana Secara Kerja Kursus (407 calon), Sarjana Secara Penyelidikan (178 calon), Sarjana Falsafah (6 calon), Doktor Falsafah (96 calon) dan Sarjana Psikologi Dalam Penyalahgunaan Dadah (25 calon).